

Penularan COVID-19

7,452 lagi positif, 109 kematian

24 kluster baharu dikesan, kadar kebolehhangkitan terus menurun

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Mahani Ishak

bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 7,452 kes positif baharu COVID-19 direkodkan semalam yang turut menyaksikan kes kematian kembali melonjak kepada tiga angka, manakala 24 kluster baharu dikesan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes jangkitan baharu menjadikan keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kini 610,574.

Katanya, Selangor mencatatkan 2,509 kes positif baharu, disusuli Kuala Lumpur (678), Sarawak (652) dan Johor (412), manakala Perlis mencatatkan kes terendah dengan hanya empat dilaporkan semalam.

Beliau berkata, sebanyak 7,444 kes penularan tempatan direkodkan membabitkan 6,308 warganegara (84.7 peratus) dan 1,136 bukan warganegara (15.3 peratus), manakala lapan kes import membabitkan empat rakyat negara ini dan empat warga asing.

“Kes sembuh dilaporkan sebanyak 6,105, menjadikan sejumlah 521,676 atau 85.4 peratus kes kumulatif pulih sepenuhnya, manakala bilangan kes aktif setakat ini 85,607. Seramai 886 pesakit masih dirawat di

unit rawatan rapi (ICU) dengan 446 memerlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Sementara itu, 109 kematian direkodkan semalam membabitkan pesakit berusia 27 hingga 98 tahun termasuk empat bukan warganegara yang kebanyakannya menghidap pelbagai penyakit kronik, menjadikan 3,291 atau 0.54 peratus kes kematian kumulatif sejak penularan pandemik COVID-19.

Katanya, kematian membabitkan 33 pesakit di Selangor, diikuti Johor (22), Kuala Lumpur (12), Negeri Sembilan (9), Kelantan (6), masing-masing lima di Kedah dan Melaka, Perak (4), Labuan (3), selain masing-masing dua di Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Pahang serta masing-masing satu kes di Terengganu dan Putrajaya.

Selain itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, sebanyak 24 kluster baharu COVID-19 dikesan semalam, menjadikan jumlah kluster direkodkan setakat ini 2,308, manakala 1,607 kluster sudah tamat dan 701 lagi kluster aktif.

Terdahulu, Dr Noor Hisham berkongsi data kadar kebolehhangkitan COVID-19 atau R-naught (Rt) di negara ini di Twitter yang terus menunjukkan penurunan sejak Ahad lalu dengan

kadar dicatatkan kelmarin adalah 1.03 iaitu turun 0.03 berbanding 1.06 pada Khamis.

Semua negeri mencatatkan Rt melebihi 1.0 dengan Labuan mencatatkan Rt tertinggi iaitu 1.36, manakala Negeri Sembilan (1.22), Sabah dan Melaka (1.15), Perlis (1.14), Kuala Lumpur (1.09), Perak dan Selangor (1.08), Pulau Pinang (1.07), Putrajaya, Pahang, Sarawak (1.06), Kelantan dan Johor (1.05) serta Kedah (1.01).

Nilai Rt merujuk kepada tahap kebolehhangkitan sesuatu virus, iaitu berapa ramai individu yang boleh dijangkiti oleh satu kes positif. Jika nilai Rt 2.2, ia bermaksud 10 kes positif boleh menjangkiti 22 individu lain dalam tempoh kebolehhangkitan.

Ia digunakan untuk meralam berapa individu mungkin mendapat jangkitan berikutan semakin tinggi Nilai R, semakin ramai yang akan mendapat jangkitan. Ia membolehkan kerajaan merancang strategi langkah kawalan dan pencegahan terhadap penyakit ini.

Selain itu, Rt juga boleh menunjukkan sama ada sesuatu tindakan kawalan dan pencegahan yang sudah dan sedang dilakukan berkesan atau sebaliknya.

Kes sembuh dilaporkan sebanyak 6,105, menjadikan sejumlah 521,676 atau 85.4 peratus kes kumulatif pulih sepenuhnya, manakala bilangan kes aktif setakat ini 85,607

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Kes kematian akibat COVID-19 kembali melonjak kepada tiga angka.
(Foto BERNAMA)

Penyumbang Akaun Amanah Bencana layak potongan cukai

Kuala Lumpur: Mereka yang menyumbang kepada Akaun Amanah Bencana layak mendapat potongan cukai dengan syarat ia disokong resit rasmi kerajaan atau dokumen pengesahan atau resit transaksi bagi sumbangan dikreditkan melalui saluran sistem perbankan rasmi.

Kementerian Kewangan (MOF) memaklumkan akaun itu ditadbir Jawatankuasa Akaun Amanah dipengerusikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dianggotai wakil MOF, Jabatan Akauntan Negara, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) serta Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

“Pengoperasian akaun ini tertakluk kepada undang-undang dan garis panduan rasmi, termasuk pengauditan berkala yang ditetapkan bagi akaun akaun amanah kerajaan,” menurut kenyataan itu, semalam.

Akaun Amanah Bencana ditubuh untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa bencana, mengurangkan risiko bencana serta pengurusan mangsa bencana, termasuk kesan penularan COVID-19 yang sedang melanda negara dan seluruh dunia.

MOF memaklumkan, pihak awam dan sektor swasta boleh menyumbang kepada akaun berkenaan melalui Maybank Islamic Berhad, nombor akaun 566010650930.